

**Malaysia Mesti Manfaatkan Industri Berasaskan Pengetahuan - Najib
Bernama
13 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Malaysia mesti memanfaatkan industri berasaskan pengetahuan dan kewangan Islam demi menjadi negara maju menjelang tahun 2020.

Najib menyatakan demikian menerusi status terbaharu beliau dalam akaun Twitter.

Dalam satu lagi Tweet, Najib, yang juga Menteri Kewangan, berkata Malaysia telah menjadi negara contoh di Asia Tenggara dalam bidang pengurusan tenaga boleh diperbaharui.

"Teruskan usaha", kata Najib ringkas.

Selasa lepas, ketika berucap merasmikan Mesyuarat Ketiga Peringkat Menteri Forum Serantau Mengenai Alam Sekitar dan Kesihatan di Negara-negara Asia Tenggara dan Asia Timur, di sini, Najib menggesa para pemimpin dunia supaya meletakkan nilai lebih tinggi dalam menghargai alam sekitar kerana masyarakat dan generasi akan datang bergantung kepadanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977686>